

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL  
[ PENDANG ]**

**TARIKH : 23.11.2015 (ISNIN)**

**DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [ PENDANG ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan mengapa Kementerian tidak menguatkuasakan Akta 723, Perkara 4 supaya rakyat boleh menikmati harga barangan yang lebih rendah. Apakah langkah-langkah lain untuk menurunkan harga barang.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011, terdapat 3 **barang** yang telah diwartakan dan dikawal harga oleh Kerajaan iaitu gula bertapis, *liquefied petroleum gas* dan topeng muka. Bagi mengawal harga semasa musim perayaan, Skim Kawalan Harga Musim Perayaan merupakan satu kaedah yang digunakan bagi memastikan peniaga tidak menaikkan harga melebihi harga yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Selain itu, Kementerian juga menganjurkan Kempen Penurunan Harga dengan kerjasama hypermarket asing dan tempatan serta syarikat-syarikat lain bagi menurunkan harga barangan terpilih. Sehingga Oktober 2015, sebanyak 2,545 cawangan hypermarket telah melaksanakan Kempen Penurunan Harga melibatkan 936,695 produk barangan di seluruh negara.